

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1996/97**

OKTOBER/NOVEMBER 1996

RMK 251 - Pentadbiran Undang-Undang

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **Soalan 1 (Wajib)** dan **TIGA (3)** soalan yang lain.

1. Secara ringkas bincangkan pelbagai sumber undang-undang Malaysia

[25 MARKAH]

2. (i) Huraikan secara ringkas, elemen-elemen perlu untuk sesuatu kontrak yang sah.

[10 markah]

- (ii) Encik Robert Lim bersetuju untuk menjual sebuah rumahnya yang bernilai RM 500,00.00 kepada sahabat karibnya, Encik Johnson Wee dengan harga istimewa RM 20,000.00 sahaja kerana mengenangkan jasa-jasa sahabatnya itu kepadanya. Setelah perjanjian dibuat, Encik Johnson Wee terus membayar secara tunai jumlah harga yang dipersetujui, iaitu RM 20,000.00, kepada Encik Robert Lim. Malangnya isteri Encik Robert Lim yang baru tahu perkara ini telah membantah sekeras-kerasnya tentang penjualan tersebut sehingga ingin menuntut cerai. Encik Robert Lim di dalam dilema. Namun oleh kerana sayangnya kepada isterinya, Encik Robert Lim membuat keputusan untuk membatalkan perjanjian jual-beli tersebut. Beliau enggan membuat pindahmilik secara rasmi rumah tersebut kepada Encik Johnson Wee. Nasihati Encik Johnson Wee yang bercadang untuk mengambil tindakan mahkamah di dalam hal ini

[15 markah]

[25 MARKAH]

3. (i) Bincangkan prinsip-prinsip penerimaan di dalam konteks undang-undang kontrak.

[10 markah]

- (ii) Pada 31 hb. Ogos 1995, Encik Sewa Singh menawarkan melalui mail elektronik atau e-mail untuk menjual sebidang tanah seluas 2 ekar dengan harga RM 200,000.00 kepada Encik Karam Singh. Tempoh yang diberikan oleh Encik Sewa Singh kepada Encik Karam Singh untuk menerima tawaran tersebut ialah 10 hari. Jawapan hendaklah melalui e-mail juga. Pada 7 hb. Ogos 1995, Encik Karam Singh menjawab melalui e-mail bahawa beliau akan setuju terima tawaran tersebut sekiranya harga dapat dikurangkan kepada RM 150,00.00. Encik Sewa Singh tidak membalas mesej Encik Karam Singh. Pada pukul 11.00 malam, 10 hb. Ogos 1995, Encik Karam Singh tergesa-gesa menulis melalui e-mail kepada Encik Sewa Singh menyatakan beliau setuju untuk membeli tanah tersebut dengan harga tawaran asal, iaitu, RM 200,000.00. Malangnya Encik Sewa Singh telah tidur dan hanya pada pagi besoknya, barulah beliau membaca e-mail Encik Karam Singh. Encik Sewa Singh terus menjawab yang beliau tidak berminat lagi untuk menjual tanah tersebut. Encik Karam Singh meminta nasihat anda tentang implikasi undang-undang di dalam hal ini. Apakah pendapat anda?

[15 markah]

[25 MARKAH]

4. (i) Bezakan di antara tort dan kontrak.

[10 markah]

- (ii) Puan Joyah, atau Joy sahaja, ingin meminjam sebanyak RM 100,00.00 dari Mai Bank Berhad sebagai ekuiti modal usahasama perniagaan pelbagai barangan Siam dengan Encik Mat Deris. Beliau mencagarkan rumahnya kepada bank tersebut. Mai Bank Berhad melantik firma berlesen Juru Nilai Apasaja untuk membuat laporan penilaian ke atas rumah Joy. Pihak firma tersebut menilaikan rumah Joy sebanyak RM 150,00.00. Berdasarkan laporan penilaian ini, pihak bank telah mengeluarkan pinjaman sebanyak yang diminta, iaitu, RM 100,000.00 kepada Joy. Malangnya selepas enam bulan berniaga, Joy dan Mat Deris telah rugi besar. Joy telah tidak dapat membayar pinjaman bank mengikut jadual yang ditetapkan. Setelah setahun berlalu, pihak bank mengambil tindakan untuk menutup gadai janji (foreclose) dengan melelong rumah yang dicagarkan oleh Joy. Setelah beberapa kali melelong, tawaran paling tinggi hanyalah RM 60,000.00 sahaja iaitu jauh lebih rendah daripada yang dinilaikan. Nasihati pihak pengurusan Mai Bank Berhad sama ada mereka boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap firma Juru Nilai Apasaja untuk kerugian yang dialami.

[15 markah]

[25 MARKAH]

5. (i) Terangkan tentang konsep agensi dan bagaimana ia boleh terbentuk?

[10 markah]

- (ii) Bagaimanakah sesuatu agensi boleh ditamatkan melalui operasi undang-undang?

[15 markah]

[25 MARKAH]

6. (i) Apakah yang dimaksudkan dengan timbangtara? Bezakan di antara timbangtara dan litigasi.

[5 markah]

- (ii) Bincangkan tanggungjawab seorang penimbangtara.

[10 markah]

- (iii) Seksyen 12 Akta Timbangtara 1952 memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi melantik wasit. Bagaimana ini boleh dilaksanakan?

[10 markah]

[25 MARKAH]

oooOOooo